

PICK perluas program imunisasi bagi individu berumur 12 hingga 17 tahun

Vaksinasi remaja mulai 15 September

Kosmo (14/08/2021) M15 05

PUTRAJAYA – Golongan remaja berumur 12 hingga 17 tahun dibenarkan untuk mengambil suntikan vaksinasi menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) mulai 15 September depan.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, penetapan itu selaras pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berhubung perkara berkenaan pada 12 Ogos 2021.

“Program imunisasi akan diperluas dalam kalangan remaja 12 hingga 15 tahun yang mempunyai masalah kesihatan tertentu dan individu berumur 16 hingga 17 tahun dengan atau tanpa masalah kesihatan tertentu,” katanya menerusi ciapan di Twitter semalam.

Tambah Khairy, perincian pemberian dan kaedah pelaksanaan vaksinasi Covid-19 kepada kumpulan itu akan diumumkan minggu depan oleh Jawatan Kuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

Sementara itu, Dr. Noor Hisham menerusi surat pekeliling itu berkata, implementasi pemberian imunisasi terhadap kumpulan remaja tersebut bergantung kepada bekalan vaksin yang akan dibuat di tiga lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) terpilih.



KHAIRY JAMALUDDIN

“Lokasi berkenaan ialah PPV khas di hospital-hospital dan institusi perubatan, PPV di klinik kesihatan atau PPV yang telah dikenal pasti selain melalui program jangkauan imunisasi di sekolah,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Hisham berkata, bakal penerima vaksin perlu menjalani penilaian pravaksinasi bagi menilai kesesuaian remaja tersebut untuk menerima vaksin, jenis vaksin dan masa serta lokasi sama ada hospital atau PPV komuniti.

“Penilaian itu akan melibatkan tiga kategori iaitu individu mempunyai sejarah alahan teruk kepada pelbagai ubatan serta in-



PERINCIAN berhubung vaksinasi individu berumur 12 hingga 17 tahun akan diumumkan JKJAV minggu depan.

– GAMBAR HIASAN

dividu yang mengalami kelemahan sistem imun sama ada disebabkan penyakit atau rawatan diterima.

“Selain itu individu yang me-

nerima rawatan ubat pencair darah atau mempunyai masalah kesihatan yang mengakibatkan kecenderungan pendarahan,” katanya.

Tambahnya, penilaian itu perlu dilakukan pakar atau pegawai perubatan di fasiliti kesihatan yang memberi rawatan kepada remaja terbabit.